

TARIKH : 31/8/2022

SURAT KHABAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

KSM beri nombor temu janji kepada majikan

KUALA LUMPUR - Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah memberikan nombor temu janji untuk temu duga lebih awal bagi sesi yang diadakan pada Selasa, untuk 1 dan 2 September 2022 kepada majikan yang hadir secara datang terus tetapi tidak mendapat slot temu duga mereka.

KSM dalam kenyataan memaklumkan, syarikat yang telah mendapat nombor temu janji sahaja dibenarkan untuk menghadiri sesi temu duga bagi memohon pekerja warga asing, mengikut tarikh yang tertera di nombor temu janji.

Pada Isnin, dilaporkan para majikan berbaris panjang dan tidak mendapat slot temu duga bagi majikan yang hadir secara datang terus di Kompleks D, KSM.

Sesi temu duga itu melibatkan seramai 300 majikan yang terdiri daripada 150 majikan secara datang terus dan 150 majikan yang telah mendapat temu janji awal.

"Antara faktor kesesakan ini adalah berpunca daripada permohonan yang banyak diterima selepas dua tahun ditutup akibat pandemik Covid-19.

"Selain itu, permohonan semula majikan yang memperoleh kelulusan kuota kurang daripada dimohon juga menjadi penyebab kepada bilangan permohonan yang banyak," menurut kenyataan itu.

Justeru, KSM menggesa majikan untuk membawa masuk terlebih dahulu pekerja asing berdasarkan kelulusan yang telah diberikan

sebelum membuat permohonan baharu. - Bernama

Muka
depan
Sinar
Harian 29
Ogos 2022.



Sil: Nasional MS 4 31/8/22